

Pertandingan akhir silat dianjurkan secara besar-besaran

6 NOV 1979
Pencak silat
PERWANIT akan menganjurkan pertandingan akhir silat gayung secara besar-besaran pada 24 November ini, ekoran dari sambutan hangat yang diterima terhadap pertandingan suku akhir yang pertama, malam kemarin.

Pertandingan suku akhir itu telah diadakan di balai rakyat Toa Payoh yang sesak dengan para peminat dan penonton.

Memandangkan hal inilah maka Perwanit merancang untuk mengadakan pertandingan akhirnya di Dewan Badminton, Guillemard Road, mulai 8.00 malam.

"Kami tidak menyangka bahawa sambutan terhadap pertandingan ini, yang pertama pernah dianjurkan, begitu baik sekali. Oleh itu, kami

akan mengadakan pertandingan akhir secara besar-besaran," kata Encik Johari Uriff, presidennya.

Dia mengatakan bahawa pada 24 November ini, pertandingan adalah untuk peringkat separuh akhir dan akhir. Semua pertandingan suku akhir akan tamat pada hujung minggu ini.

Permainan

6 NOV 1979
Dalam perlawanan-perlawanan suku akhir kemarin, masing-masing pesilat telah memperlihatkan mutu permainan yang tinggi dengan bunga-bunga silat yang indah.

Walaupun mereka menumbuk-menerajang dalam perlawanan mereka, tetapi tidak ada sebarang kecederaan berat yang dialami oleh mereka, kecuali beberapa orang pesilat yang berdarah mulutnya kerana tertumbuk ataupun tersepak.

Sebanyak satu perlawanan bahagian kanak-kanak dan wanita dijalan-



● DAHLAN Mashot sedang mendapat rawatan dari Encik Ismaon Haji All, di bahagian lidahnya yang cedera, bila satu penumbuk terkena di mukanya. Dia berjaya meneruskan perlawanannya. — Gambar-gambar oleh Rawi Ahmad.

kan kemarin di samping tiga perlawanan bahagian remaja dan tiga lagi di bahagian dewasa telah dijalankan, dengan perlawanan antara Ibrahim Ros dengan A. Rahman Hassan (remaja) dan

Sulaiman Wakijo dengan Nordin Imam (dewasa) merupakan dua perlawanan yang menarik.

Dalam perlawanan tiga pusingan ini, masing-masing telah berhempas-pulas untuk mendapatkan mata

melalui pukulan tangan dan tendangan kaki mereka.

6 NOV 1979
Dan tiga pengadil yang mengadili perlawanan ini berbelah-bagi dalam memberikan kemenangan. Dua dari mereka memberikan kemenangan kepada Rahman sementara seorang kepada Ibrahim.

Begitu juga dengan perlawanan Sulaiman dan Nordin, di mana keputusan boleh dianggap sebagai mengejutkan di mana Nordin telah menewaskan Sulaiman dengan keputusan berbelah-bagi.

Berjaya

Sulaiman, yang pernah mewakili Persekutuan Silat Singapura dalam kunjungan dan persahabatan di Indonesia, merupakan pilihan untuk memenangi perlawanan ini. Dan dalam pusingan pertama dia memberikan serang-balas yang baik dan tepat pada sasarannya.

Dalam pusingan kedua dan seterusnya, Nordin bertanding dengan baik dan berjaya memenangi perlawanan itu.

Tiket-tiket untuk pertandingan separuh akhir dan akhir di Dewan Badminton, Guillemard Road akan dijual tidak lama lagi.

6 NOV 1979
Ia berharga \$1 dan boleh didapati dari pejabat Persisi di Jalan Penggaga, setiausaha Perwanit di 20 Jalan Horat dan Encik Johari melalui telefon 4428669.

Buku silat serantau siap tahun depan?

14 NOV 1979
Pencak silat
PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) berharap untuk menyiapkan buku silat serantau dalam tiga jilid pada tahun depan, berikutan dengan penerimaan dari Malaysia dan Indonesia terhadap lakar yang telah disiapkan.

Kedua negara itu telah menyatakan persetujuan mereka terhadap lakar ini dalam sidang mereka yang berlangsung dalam Oktober di Jakarta.

Bagi memastikan penerbitan buku itu, sebuah jawatankuasa buku silat tiga negara akan dibentuk dalam persidangan mereka sekali lagi pada Disember depan di Kuala Lumpur.

rian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.

Di samping jawatankuasa pembukuan itu, juga akan dibentuk sebuah jawatankuasa kajian yang terdiri dari pegawai-pegawai di samping jawatankuasa kajian negara masing-masing.

Salah satu dari tugas jawatankuasa kajian negeri ialah mengumpulkan bahan-bahan silat dan mereka akan mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa negara yang lain tiap enam bulan sekali.

Rujukan

Encik Johari menerangkan bahawa matalamat Persisi untuk menyiapkan buku ini ialah pada tahun depan atau selewat-lewatnya pada 1981.

Buku yang bakal merupakan yang pertama yang diterbitkan mengenai silat akan mengandungi segala aspek seni pertahanan diri itu. Ini akan termasuk salahsilah, perkembangan, adat istiadat dan pantang larangnya, serta lain-lain lagi.

14 NOV 1979
"Jika buku ini berjaya disiapkan ia akan dapat menjadi bahan rujukan kepada semua pencinta silat dan budaya Melayu," katanya.

Persisi telah mengambil inisiatif semenjak tahun lalu untuk membukukan sejarah silat serantau yang akan meliputi jenis-jenis silat di Gugusan Kepulauan Melayu.

Diserahkan

Dalam persidangan itu nanti, ketiga negara tersebut akan mengemukakan kajian dan usaha pembukuan yang telah dijalankan oleh mereka terhadap silat di negara masing-masing.

Kajian itu akan diserahkan kepada Singapura yang akan bertugas untuk menerbitkan buku ini.

Setiausaha agung Persisi, Encik Johari Uriff menerangkan bahawa jawatankuasa yang dibentuk akan terdiri dari pegawai-pegawai Persisi, Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) dan dari Kement-